

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN
LISAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]
TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi membina Rumah Mampu Milik selaras dengan hasrat penubuhan Lembaga Perumahan di setiap negeri. Jika ya, nyatakan bila. Sekiranya tiada, kenapa

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam menjayakan agenda perumahan mampu milik negara. Antara program kerjasama perumahan di antara KPKT dan Kerajaan Negeri adalah seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM), Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah SPNB dan program-program perumahan mampu milik di bawah PR1MA.

2. Antara program-program perumahan yang telah dan akan dilaksanakan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

2.1 sebanyak 999 unit rumah PPR yang merangkumi:

- i) 382 unit rumah PPR Jalan Thamby Kecil, Butterworth;
- ii) 316 unit rumah PPR Lorong Selamat, Georgetown;
- iii) 70 unit rumah PPR Mak Mandin, Butterworth; dan
- iv) 231 unit rumah PPR Tok Suboh, Seberang Perai Tengah.

2.2 sebanyak 453 unit rumah PPAM yang merangkumi:

- i) 21 unit rumah PPAM Taman Valdor Permai, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan;
- ii) 200 unit rumah PPAM One Foresta, Bayan Lepas, Barat Daya;
- iii) 120 unit rumah PPAM Signature Two, Jalan Lestari, Seberang Perai Tengah; dan
- iv) 112 unit rumah PPAM Konifer, Taman Permatang Sintuk, Penaga, Seberang Perai Utara.

2.3 sebanyak 3,170 unit rumah PR1MA yang merangkumi:

- i) 923 unit rumah PR1MA Residensi Permatang Pauh yang sedang dalam proses pembinaan;
- ii) 905 unit rumah PR1MA Residensi Bukit Gelugor yang sedang dalam proses pelaksanaan; dan
- iii) 1,248 unit rumah PR1MA Residensi Batu Feringghi yang juga sedang dalam proses pelaksanaan.

2.4 sebanyak 538 unit rumah RMR yang sedang dalam pelbagaiperingkat pelaksanaan di negeri Pulau Pinang.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan dasar sedia ada Kementerian, tiada peruntukan disalurkan kepada mana-mana Lembaga Perumahan Negeri memandangkan pihak Kerajaan Persekutuan telah menyediakan program-program perumahan di negeri seperti PPR, PPAM, RMR dan PR1MA. Sehingga kini, sebanyak empat Lembaga Perumahan Negeri yang telah ditubuhkan iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dan

4. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP). Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai daripada KPKT turut menganggotai lembaga-lembaga perumahan berkenaan untuk bekerjasama dengan lebih erat di samping membantu memberi khidmat nasihat dan pandangan berkaitan dasar-dasar perumahan.

5. Dalam penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah KPKT, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah banyak bekerjasama dalam menjayakan pelaksanaan program-program tersebut. Sehubungan itu, Kementerian ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas kerjasama erat dalam memastikan kejayaan program perumahan mampu milik di Pulau Pinang. Pihak KPKT juga mengalu-alukan sebarang idea dan cadangan baharu daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan lebih banyak program rumah mampu milik di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.